

# Q

Adakah saya perlu  
Sentiasa membawa Pasport  
dan Kad Penduduk ?



# A

Pastikan anda sentiasa membawa pasport atau kad penduduk anda semasa anda keluar.

Ini ditentukan oleh undang-undang Jepun.

Apabila anda diminta untuk menunjukkan dokumen- dokumen ini oleh polis, sila bekerjasama dengan polis untuk menunjukkannya.

Jika bertindak selain daripada status kediaman anda yang ditetapkan atau tinggal di Jepun walaupun tempoh penginapan telah berakhir, anda akan menghadapi undangundang dan akan dihukum.

Mari kita mematuhi peraturan dan marilah kita hidup dengan selesa di Jepun.

# Q

Apa yang perlu saya  
lakukan ketika bencana  
seperti gempa bumi ?



# A

Sekiranya berlaku gempa bumi atau sebagainya, pihak polis menjalankan aktiviti bencana seperti panduan pemindahan,

bantuan kecemasan dan penyelamatan dari gedung-gedung tinggi dengan mengutamakan keselamatan badan dan nyawa.

Beri perhatian tentang maklumat mengenai langkah pencegahan bencana di televisyen, radio, dan sebagainya dan marilah kita mengambil tindakan dengan tenang.

Marilah membuat penyediaan lengkap setiap masa untuk memindah secepat mungkin jika terdapat hubungan pemindahan dari pegawai polis atau pegawai bandar raya perbandaran.

Sentiasa bergerak mengikut arahan dan panduan petugas untuk memindah jika anda berada dalam kereta api.

Sekiranya berlaku gempa bumi besar, anda tidak boleh menggunakan kereta atau motosikal untuk mengelakkan kekeliruan dan bahaya di jalan.

## Panduan Kehidupan

### Q & A

~Bagi hidup yang aman dan selamat~





ひょうごけんけいさつ

HYOGO PREFECTURE POLICE

Bahasa  
Malaysia

Q

Siapa patut saya hubungi jika dalam kesusahan?



A

Jika anda dalam kesusahan, sila hubungi sewaktu kecemasan sewaktu kejadian/kemalangan

Polis 「110」

Sekiranya berlaku kebakaran, kesakitan atau kecederaan, sila hubungi

Bomba 「119」

Q

Bagaimana saya membuat laporan dan surat makluman polis ?



A

Jika anda mengalami kemalangan jalan raya atau menjadi mangsa kes jenayah, sila menghubungi panggilan kecemasan polis "110".

Jika anda tidak dapat bertutur dalam bahasa Jepun, anda akan ditanya tentang kandungan laporan dengan bantuan Pusat Penterjemah.

Selain itu, jika anda terjumpa barang kehilangan di tepi jalan, sila hantar ke balai polis atau tempat polis bertugas ("KOBAN") berdekatan.

Pusat perundingan Polis

「# 9 1 1 0」

mengajar tentang kandungan nasihat, dan di mana untuk berunding.

Q

Sila memberikan panduan eraturan asas jalan raya di Jepun.



A

Di Jepun, adalah peraturan asas bahawa pejalan kaki berada di sebelah kanan manakala basikal dan kereta berada di sebelah kiri, pejalan kaki

sentiasa diutamakan.

Sila berjalan di trotoar dan menggunakan lintasan belang berdekatan ketika melintasi jalan raya. Asasnya basikal mestilah berada di laluan kereta. Buatlah satu baris di sebelah kiri jalan kereta.

Jika keadaan laluan jalan raya bahaya, basikal boleh ditunggang di trotoar dan diizinkan ketika ditunjuk pada papan tanda. Berhati-hatilah dengan pejalan kaki.

Pastikan anda mengikuti lampu isyarat lalu lintas di persimpangan.

Jangan memandu basikal serta kereta apabila anda minum alkohol.

Sila mematuhi peraturan lalu lintas dan Bekerjasama demi merealisasikan masyarakat yang selamat dan selesa.